

Hanya boleh diadakan jika dapat kelulusan khas - Mufti

# Nikah Siam *online* tidak sah

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pasangan Malaysia yang bernikah di Thailand secara dalam talian adalah tidak sah dan

tidak akan diiktiraf oleh mana-mana jabatan agama Islam di negara ini.

Mufti Negeri Selangor, Datuk Mohd. Tamyes Abd. Wahid berkata, pernikahan dalam talian hanya boleh diadakan jika mendapat kelulusan khas malah masih ada proses yang perlu di-

lalui secara fizikal.

“Di Selangor misalnya, nikah *online* diadakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan dalam tempoh singkat sebelum

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

kembali mengadakan secara fizikal.

“Walaupun nikah *online* sekali pun, ada proses

yang masih perlu dibuat secara fizikal seperti perakuan surat nikah, mengenal pasti wali dan pengantin serta perlu dijalankan oleh jurunikah bertauliah,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau menasihatkan kepada pasangan yang ingin berkahwin supaya melalui proses yang sah di sisi undang-undang dan agama Islam.

Katanya, nikah tanpa melalui proses sah akan memberi

kesan kepada anak-anak di masa akan datang.

“Proses perkahwinan ini tidak boleh dibuat seperti membeli barang secara dalam talian, ia harus bersistematik dan mengikut syarak. Ambilhah jalan halal, ini demi masa depan zuriat.

“Jika anak hendak berkahwin dan didapati anak tidak sah taraf kerana surat nikah ibu bapa tidak diiktiraf, ini akan menimbulkan masalah, jadi perlu ada kesedaran terhadap perkara ini,” katanya.

Semalam *Mingguan Malaysia* melaporkan nikah Siam secara *online* menjadi popular dalam kalangan pasangan Malaysia selepas beberapa ejen muncul di Kedah dan Perlis yang menawarkan khidmat itu berikutan penutupan sempadan di Thailand akibat Covid-19.

Pasangan hanya perlu hadir di lokasi tertentu bagi urusan pernikahan secara *online*, sebelum menerima surat nikah dan dokumen-dokumen lain yang didakwa sah dalam masa beberapa hari.



**Walaupun nikah *online* sekali pun, ada proses yang masih perlu dibuat secara fizikal seperti perakuan surat nikah, mengenal pasti wali dan pengantin serta perlu dijalankan oleh jurunikah bertauliah.”**

**MOHD. TAMYES ABD. WAHID**

